

Sekretariat MPM: Lot 10-1, Jalan 4/76C,
Desa Pandan, 55100 KUALA LUMPUR
Faks: 03-92833819; ngomelayu@yahoo.com



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KERAJAAN PERLU GUBAL PELAN INDUK PERALIHAN TENAGA KERJA NASIONAL

KUALA LUMPUR, 17 Februari -- Majlis Perundingan Melayu (MPM) hari ini menyarankan menggubal satu Pelan Induk Peralihan (Pengislahan) Tenaga Kerja Nasional dengan tujuan utamanya ialah bagi mengurangkan kebergantungan Negara ini kepada sumber tenaga buruh asing.

"Sebaik-baiknya inisiatif ini diterajui oleh Menteri yang mengetuai Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri," kata Setiausaha Agong MPM Datuk Dr. Hasan bin Mad dalam satu persidangan media di sini.

MPM berpendapat pelan ini wajar digubal segera untuk menyelesaikan kemelut kebergantungan negara kepada pekerja asing, katanya.

Tentangan berbagai pihak bukan sekadar perebutan peluang kerja diantara rakyat dengan pendatang asing, mmalahan kebanjiran pendatang asing ini turut memberikan atau menimbulkan banyak implikasi negatif, terutama masaalah sosial, pengaliran wang keluar negara, masaalah keselamatan, pertahanan, malah kesihatan, kata beliau.

Berikut ialah kenyataan akhbar lengkap yang diedarkan pada persidangan media petang tadi: -

SYOR MPM SELESAI KEMELUT KEBERGANTUNGAN KEPADA PEKERJA ASING

Sejak pengumuman oleh kerajaan untuk menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan Bangladesh bagi membawa masuk sehingga 1.5 juta pekerja dari negara berkenaan ke negara ini, berbagai reaksi dilontarkan dan diperdebatkan oleh pelbagai pihak. Kebanyakannya mempertikaikan hasrat itu.

Majlis Perundingan Melayu (MPM) mengikuti perkembangan ini dan mendapati kemelut ini berpunca dari ketiadaan tindakan secara terancang di pihak kerajaan untuk menyelesaikan kemelut ini dalam jangka masa tertentu. Ia dilihat sebagai permasalahan yang tiada kesudahan.

Persoalan bahawa kebanyakan kerja itu diklasifikasi sebagai kotor, bahaya & sukar (dirujuk sebagai pekerjaan '3D'), maka ianya diltolak oleh tenaga kerja tempatan, tidak berapa tepat. Tohmahan mengatakan golongan belia tak berminat kerja-kerja ini juga tidak tepat dan ianya hanyalah kenyataan tanpa kajian yang komprehensif membuktikan dengan sahih dan fakta bahawa belia tempatan tidak berminat kerja-kerja ini. Dalam keadaan dan bentuk pekerjaan itu pada hari ini kenyataan itu adalah benar kerana ia tidak dikaitkan dengan sebarang elemen permodenan menerusi pendekatan mekanisasi atau automasi.

MPM ingin merujuk satu contoh pekerjaan yang sehingga awal tahun 1970an tidak langsung diminati oleh semua orang. Pekerjaan yang dimaksudkan ialah kutipan najis (dirujuk sebagai night soil). Tak sampai 30 tahun kemudian tidak lagi kedengaran pekerjaan itu kerana sistem kutipan najis dan kumbahan telah melalui proses mekanisasi dan automasi yang amat jauh berbeza sehingga mereka yang bekerja di IWK tidak lagi disamakan dengan mereka yang pernah digaji oleh PBT memikul tong najis di waktu malam mengutip sisasisa najis. Tidak siapa pun yang bekerja di IWK kini menganggap ia sesuatu pekerjaan yang kotor, seperti

yang pernah dilakukan sehingga ke awal tahun 1970an. Pekerjaan mengutip sisa najis dan kumbahan itu masih dianggap kotor tetapi kini tidak lagi dikendalikan secara manual seperti dulu, maka ia tidak menyebabkan tenaga kerja tempatan menolak untuk bekerja di IWK.

Persoalan yang dihadapi kini bukan kerana kerja-kerja itu bahaya, kotor atau sukar. Ia masih ujud dalam keadaan ‘3D’ disebabkan tiada pihak komited untuk mengislahkannya, sepetimana pengislahan sistem kumbahan yang dicontohkan di atas.

Di ladang kelapa sawit misalnya, diantara kerja-kerja yang memerlukan ramai pekerja asing ialah tuaian buah sawit. Malangnya, MPOB gagal mencari pendekatan mekanisasi atau automasi yang lebih praktikal dan ekonomikal yang boleh mengurangkan keperluan tenaga boroh asing bagi tujuan itu. Jika pun ada kajian seumpama itu barangkali tidak mendapat sambutan kerana tiada usaha membina ekosistem yang lengkap bagaimana proses mekanisasi tuaian buah sawit dapat dilakukan secara menyeluruh misalnya ada skim pembiayaan khas untuk mana-mana syarikat perlادangan yang hendak memekanisasikan kerja-kerja tuaian buah sawit.

Begitu juga di sektor pengilangan, pembuatan dan pembinaan. Barangkali kajian perbandingan boleh dibuat bagaimana negara-negara perindustrian menyelesaikan masaalah boroh bagi kerja-kerja ‘3D’ ini di negara mereka. Adakah negara-negara ini juga berdepan dengan masaalah kebergantungan kepada boroh asing sama seperti yang kita hadapi, atau lebih kritikal lagi atau sebaliknya. Jika sebaliknya, apa pendekatan yang mereka ambil bagi mengatasi masaalah ini, yang kita boleh teladani?

MPM juga mengakui tidak semua kerja-kerja ‘3D’ ini boleh dimekanisasikan atau diautomasi. Setidak-tidaknya tentulah ada sebahagian darinya yang boleh diislahkan kebergantungannya kepada mekanisasi atau automasi. Persoalannya adakah ia hendak dilaksanakan atau tidak. Jika, ia, wajiblah ada satu pelan induk yang komprehensif yang melibatkan banyak pihak untuk ianya dilaksanakan.

MITI pernah menggubal satu Pelan Induk Perindustrian dan yang terakhir ialah IMP3 yang dilancarkan dalam RMK9. Tiba masanya kandungan Pelan itu yang berkaitan dengan tenaga boroh dan pendekatan mekanisasi atau automasi dikaji semula secara berasingan bagi memfokaskan kepada isu ini.

Maka dengan ini MPM ingin menyarankan kepada Kerajaan dan sebaik-baiknya inisiatif ini diterajui YB Menteri di EPU, untuk menggubal satu Pelan Induk Peralihan (Pengislahan) Tenaga Kerja Nasional. Tujuan utamanya ialah bagi mengurangkan kebergantungan Negara ini kepada sumber tenaga boroh asing.

Pelan ini wajar digubal segera. Tentangan berbagai pihak bukan sekadar perebutan peluang kerja diantara rakyat dengan pendatang asing. Kebanjiran pendatang asing ini turut memberikan atau menimbulkan banyak implikasi negatif, terutama masaalah sosial, pengaliran wang keluar negara, masaalah keselamatan, pertahanan, malah kesihatan.

Jika dalam tahun 1960an kerajaan menujuhan MIDF bagi merangsang dan memudah-cara usaha pembangunan industri berdasarkan pengilangan dan pembuatan di Malaysia, tentunya dengan ujudnya begitu banyak agensi pelaksana, kerajaan kini lebih berkemampuan untuk melaksanakan Pelan Peralihan (Pengislahan) ini dengan lebih berkesan.

Selain wawasan Negara menjelang tahun 2020 ia akan menjadi Negara maju berpendapatan tinggi, unjuran yang dibuat oleh beberapa institusi penyelidikan ekonomi terkenal seperti HSBC, Standard Chartered Global Research, PwC, Deloitte, Ernst & Young dan OECD, mengunjurkan menjelang tahun 2050 Malaysia akan tergolong dikalangan 32 negara dunia yang berpertumbuhan tinggi. Tiga penggerak ekonomi utama ketika itu ialah perbandaran, globalisasi dan perindustrian berteknologi tinggi. Mana mungkin itu akan terjadi jika Malaysia masih terperangkap dalam kancah tenaga kerja konvensional. Muah atau tidak Malaysia mesti memulakan dari sekarang berislah kepada guna-tenaga berkemahiran tinggi yang mampu mengendalikan kerja berteraskan mekanisasi atau automasi. Itu hakikatnya dan itulah persiapan yang perlu dibuat dari sekarang. Maka, syor MPM ini bukan sekadar menyelesaikan permasaalah semasa berkaitan kebergantungan kepada tenaga kerja asing, ia juga sebagai impetus untuk Malaysia membuat persediaan menghadapi era kemajuan perindustrian berteknologi tinggi.

Pada hemat MPM, kementerian dan agensi yang dinyatakan di bawah ini wajib dilibatkan dalam penyediaan Pelan Induk ini dan belanjawan mengenainya diperuntukkan mulai Tahun Belanjawan 2017, bagi melaksanakan pelan berkenaan.

No.	Kementerian/Agensi	Peranan
1	EPU	<p>Menteri EPU di JPM hendaklah menerajui usaha penyediaan Pelan Induk Peralihan (Pengisahan) Tenaga Kerja Nasional. EPU hendaklah memperhalusi RMK 11 bagi memperjelaskan perancangan peningkatan produktiviti dan re-engineering pembangunan sesuatu industri bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga boroh, terutama buroh asing.</p> <p>Sediakan Pelan 5-tahun untuk pengisahan dari aktiviti yang labour-intensive kepada aktiviti yang berteraskan mekanisasi atau automasi</p>
2	KDN	<p>Kementerian bertanggung-jawab mengawal-selia kemasukan pekerja asing. Local standi Kementerian ini dalam mengawal-selia kemasukan pekerja asing hendaklah benar-benar jelas dan difahami semua pihak terlibat.</p> <p>Kementerian inilah akhirnya yang akan memutuskan kemasukan pekerja asing yang disyorkan oleh KSM.</p> <p>Agensi pelaksana utama ialah Jabatan Imigresen</p>
3	KSM	<p>Kementerian bertanggung-jawab merancang dan membangunkan keperluan tenaga kerja di Negara ini.</p> <p>Kementerian ini juga bertanggung-jawab menyelaras (bukan mengawal-selia) kemasukan pekerja asing, hanya dalam keadaan dimana tiada alternatif yang lebih baik atau lebih sesuai dapat dipertimbangkan bagi menyelesaikan keperluan tenaga kerja sesuatu sektor pada satu-satu tempoh masa.</p>
4	Semua Kementerian punyai sektor ekonomi	<p>KSM hendaklah kenalpasti kementerian yang kendali sektor ekonomi yang perlukan tenaga kerja. Diantara kementerian utama ialah MITI, MOA, MPIC, MOTC dan KPDKKK.</p> <p>Kenalpasti keperluan tenaga kerja yang boleh beralih (berislah) dari tenaga kerja buroh kepada pendekatan mekanisasi dan automasi yang lebih sesuai untuk tenaga kerja tempatan dan mampu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buroh asing.</p>
5	MKN dan kementerian untuk dirujuk	<p>Selain kementerian-kementerian yang ada dibawah pentadbirannya aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan isu pekerja asing ini, MKN dan beberapa kementerian lain wajar turut dirujuk untuk mendapatkan maklumbalas mereka mengenai kebanjiran pekerja asing. Diantara kementerian itu termasuklah KKM, KW&M dan MinDef</p>
6	IPT & Institusi Penyelidikan	<p>UTM, UPM dan beberapa IPTA serta Institusi Penyelidikan hendaklah digembeling untuk memfokus kepada kajian-kajian yang mampu membantu semua sektor ekonomi beralih (berislah) dari aktiviti ekonomi yang labour-intensive kepada aktiviti yang boleh dimekanisasikan atau diautomasikan, sekaligus kurangkan kebergantungan kepada boroh asing.</p>
7	MIDF	<p>Uangi model pembiayaan pembangunan industry berdasarkan pengilangan dan pembuatan dipenghujung tahun 1960an yang berperanan mempromosikan & memudahkan pembangunan aktiviti pengilangan dan pembuatan di Malaysia.</p> <p>Gunakan model pembiayaan yang sama bagi mempromosikan inisiatif mana-mana pihak berhasrat memekanisasikan atau mengautomasikan perusahaan mereka.</p>
8	MPC	Bina Productivity Index bagi semua sektor ekonomi yang beralih dari aktiviti yang labour-intensive kepada aktiviti yang berteraskan mekanisasi atau automasi.

		Menerusi Index ini akan dapat dilihat dalam jangka setiap 5-tahun perlaksanaannya, dan kesan penambahbaikan dari usaha pengisahan ini.
9	Firma Perunding	MOF lantik firma perunding yang kompeten bagi jalankan CBA keatas cadangan perlaksanaan Pelan Peralihan (Pengisahan) ini. Menerusi firma perunding yang dilantik KSM hendaklah mewajibkan semua agensi atau firma yang memerlukan tenaga kerja terutama tenaga kerja asing, berdaftar bagi diujudkan satu pengkalan data & maklumat ini digunakan bagi firma perunding membuat kajian yang lebih komprehensif dengan hasrat hasil kajian yang diperolehi lebih tepat, untuk diunjurkan keperluan tenaga kerja serta lain-lain keperluan berkaitan dengannya, seperti program latihan TVET
10	MOF	Akhir sekali, semua inputs dari semua sumber itu diperlukan oleh MOF bagi menyediakan belanjawan tahunan, bermula bagi tahun 2017, menyediakan pelbagai bajet dan skim pembiayaan atau insentif pembiayaan, bagi memulakan satu inisiatif baru di peringkat nasional dibawah Pelan Induk Peralihan (Pengisahan) Tenaga Kerja Nasional. Tujuan utamanya ialah untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan menggalakkan tenaga kerja tempatan menjalankan kerja-kerja yang selama ni dianggap '3D', boleh berubah menjadi bidang pekerjaan yang lumayan, menarik dan bergaya (stylish)
11	Lain-lain	Ada beberapa pihak lain termasuk MPM, boleh berperanan sama menjayakan Inisiatif ini.